

SULIT

MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
BILANGAN 2 TAHUN 2023

TARIKH : 27 FEBRUARI 2023 (ISNIN)
MASA : 9.00 PAGI
TEMPAT : BILIK CEMPAKA KUNING,
MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

HADIR

1. **YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, D.I.M.P.**
Yang Dipertua, MPKL - Pengerusi
2. **Y.D.M. Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin Tengku Harun,
D.S.I.S.,A.M.S.,P.J.K.**
Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya
Orang Besar Daerah Kuala Langat
3. **Cik Ang Lee Yong**
Ahli Majlis
4. **Encik Mohd Safiee bin Harun**
Ahli Majlis
5. **Encik Haridass a/l Ramasamy**
Ahli Majlis
6. **Encik Wong Kim Loon**
Ahli Majlis
7. **Encik Gan Yee Chin**
Ahli Majlis
8. **Puan Nor Aishah binti Abdul Majid**
Ahli Majlis
9. **Puan Rahimah binti Harun**
Ahli Majlis
10. **Encik Yong Keh Chyn**
Ahli Majlis
11. **Puan Rogayah binti Ibrahim**
Ahli Majlis
12. **Encik Lim Lip Suan**
Ahli Majlis

13. **Encik Tan Wee King**
Ahli Majlis
14. **Encik Panalsalwa a/l R Kuppan**
Ahli Majlis
15. **Encik Zulkipli bin Said**
Ahli Majlis
16. **Encik Mat Irwan bin Mat Ismail**
Ahli Majlis
17. **Encik Tan Keng Siang**
Ahli Majlis
18. **Puan P. Umananthini a/p Gnanapragasam**
Ahli Majlis
19. **Puan Rukiyah binti Kolamchery**
Ahli Majlis
20. **Encik Mohd Yazid bin Abd Manaf**
Ahli Majlis
21. **Encik Sahnizam bin Othman**
Ahli Majlis
22. **Puan Rashina binti Arsat**
Ahli Majlis
23. **Encik Mohammad Kamal bin Mohd Ramli, P.P.T.**
Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan - Setiausaha Mesyuarat

TURUT HADIR

1. **Encik Mohd Khairul bin Darini, P.P.T.**
Wakil Pengarah Jabatan Kejuruteraan
2. **Puan Norashidah binti Rosli, P.P.T.**
Wakil Pengarah Jabatan Perbendaharaan
3. **Puan Lisawati binti Abd. Karim**
Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
4. **Encik Mohd Aszzwir bin Mohd Sabiruddin**
Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan
5. **Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap, A.I.S.**
Pengarah Jabatan Lanskap
6. **Puan Nordila binti Yasir**
Pengarah Jabatan Pelesenan

7. **Encik Wan Putra Noor Shahan bin Ngadirin**
Pengarah Jabatan Penguatkuasaan
8. **Puan Norain binti Mohamed**
Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekutaran
9. **Encik Syamsol Herwan bin Ahmad**
Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan
10. **Puan Hashila binti Hamzah**
Pengarah Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat
11. **Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin, P.P.T.**
Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat
12. **Puan Norwani binti Mustapa**
Wakil Ketua Unit Audit Dalam
13. **Tuan Haji Fauzi bin Din, P.J.K.**
Ketua Unit Perundangan
14. **Encik Mohd Shauki bin Jamaludin**
Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan
15. **Tuan Haji Nordin bin Haji Hashim, P.P.T.**
Ketua Unit Pusat Setempat
16. **Cik Erza Shahira binti Shazhali**
Wakil Ketua Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. **Encik Nadasan a/l Subramani**
Ahli Majlis
2. **Encik Abd Razak bin Ramli**
Ahli Majlis
3. **Encik Kamalanathan a/l Chellappan**
Ahli Majlis

DIJEMPUT HADIR

1. **Y.B. Tuan Haji Hasnul bin Baharuddin**
Ahli Dewan Negeri Selangor Kawasan Morib
2. **Encik Faizal bin Mohd Arshad**
Biz Suria Management

-
-
3. **Cik Farah Syazwanie binti Abdullah**
Biz Suria Management

URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)

1. **Encik Muhammad Faiz bin Jambri**
Pegawai Tadbir
2. **Encik Abdul Mutualib bin Mohd Yunus**
Penolong Pegawai Tadbir
3. **Puan Rosmawati binti Othman**
Pembantu Setiausaha Pejabat
4. **Encik Nur Hazlynda binti Sahimi**
Pembantu Setiausaha Pejabat
5. **Encik Mohd Sahlan bin Tukiran**
Pembantu Operasi
6. **Encik Mohd Shahril bin Sairon**
Pembantu Operasi

PERKARA	TAJUK PERKARA		TINDAKAN
1.0	BACAAN DOA		
	Mesyuarat telah dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Encik Mohd Aszzwir bin Mohd Sabiruddin, Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan.		Makluman
2.0	PEMBENTANGAN TAKLIMAT		
	2.1	<p>PENERANGAN BERHUBUNG CADANGAN PENINGKATAN KUTIPAN HASIL UNTUK MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT.</p> <p>Taklimat telah disampaikan untuk makluman semua ahli mesyuarat seperti di Lampiran A.</p> <p><i>YBhg. Dato' Pengerusi meminta JP mengetuai perbincangan dengan Biz Suria Management Berhad dengan melibatkan beberapa jabatan MPKL yang berkaitan. Beliau berharap hasil perbincangan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan untuk pihak Majlis melihat tahap kemajuan cadangan ini. Oleh itu, YBhg. Dato' Pengerusi berpendapat cadangan ini boleh dimulakan pada 1 Januari 2024</i></p>	Makluman
3.0	UCAPAN PENGERUSI		
	YBhg. Dato' Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat pada hari ini.		
4.0	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT		
	4.1	MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BILANGAN 1 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 30 JANUARI 2023.	
		Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Wong Kim Loon dan disokong oleh Encik Panalsalwa a/l R Kuppan tanpa pindaan.	Makluman

5.0	PERKARA-PERKARA BERBANGKIT		
		- TIADA -	
6.0	MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT :		
	6.1	MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 2 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 8 FEBRUARI 2023.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	6.1.1	<p>Perkara 7.1.22</p> <p>Encik Gan Yee Chin mencadangkan pihak Majlis untuk membuat satu sesi taklimat kepada wakil penduduk dan agensi yang terlibat seperti JAS, Lembaga Atom Malaysia dan pemaju yang berkenaan. Ini susulan persoalan daripada penduduk sekiranya terdapat pelepasan atom ketika ujian ke atas paip gas dilakukan oleh pihak yang berkenaan.</p> <p><i>Mesyuarat dimaklumkan kerja pengujian paip gas tersebut telah mendapat permit daripada Jabatan Kejuruteraan. Pihak Jabatan akan mengaturkan taklimat tersebut.</i></p>	JK
	6.2	MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 2 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 9 FEBRUARI 2023.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	

	6.3	MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAK BILANGAN 2 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 9 FEBRUARI 2023.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	6.3.1	<p>Perkara 6.1.1</p> <p>Cik Ang Lee Yong ingin tahu status cadangan pembinaan terminal bas Banting.</p> <p><i>Mesyuarat dimaklumkan iklan tawaran tender telah ditutup dan proses penilaian akan dibuat oleh jawatankuasa yang ditubuhkan. Pengesoran akan dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Tender Negeri Selangor untuk proses pemilihan kontraktor. Terminal tersebut terletak di Jalan Sentosa dengan berkonsep ‘design and built’.</i></p>	Makluman
	6.3.2	<p>Perkara 6.1.8</p> <p>Cik Ang Lee Yong membangkitkan mengenai tahap kebersihan tandas di Langkawi yang sangat memuaskan dengan dikenakan caj penggunaan sebanyak RM 1.00. Beliau ingin tahu sama ada pihak Majlis mempunyai perancangan untuk mengenakan caj penggunaan tandas seperti itu di Kuala Langat dalam memastikan tahap kebersihan tandas berada di tahap yang terbaik.</p> <p><i>Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pembersihan tandas dilakukan oleh KDEB tanpa mengenakan sebarang caj penggunaan tandas kepada orang awam.</i></p> <p><i>Encik Gan Yee Chin mencadangkan kutipan penggunaan tandas boleh dikenakan kepada orang awam sekiranya pihak Majlis ada menaiktaraf tandas tersebut.</i></p> <p><i>Y.B. Tuan Haji Hasnul memaklumkan terdapat beberapa masalah di gerai Pantai Morib seperti kerosakan ‘roller</i></p>	Makluman

		<p><i>shutter' dan bumbung bocor yang perlu diambil tindakan.</i></p> <p><i>Jabatan Kejuruteraan akan melihat semula gerai-gerai di Pantai Morib yang mengalami kerosakan tersebut.</i></p>	
	6.4	MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 2 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 10 FEBRUARI 2023.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	
	6.5	MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 2 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 10 FEBRUARI 2023.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	
	6.6	MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 2 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 14 FEBRUARI 2023.	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	6.6.1	<p>Perkara 4.1</p> <p>Cik Ang Lee Yong ingin tahu lokasi pelaksanaan zon parkir 2 jam yang akan dilaksanakan oleh pihak Majlis.</p> <p><i>Pengarah JPK memaklumkan zon parkir 2 jam akan dilaksanakan mulai bulan Mac 2023 melibatkan empat (4) lokasi yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bilangan 1 Tahun 2023 iaitu :</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Hadapan Maybank 2. Kawasan Bank Islam, Pusat Perdagangan 	Makluman

		<p><i>Banting</i></p> <p>3. Daripada Bank Rakyat sehingga Public Bank 4. Daripada Kedai Motorsikal Wah Hing Soon sehingga Bank CIMB</p> <p><i>Papan tanda pemakluman zon parkir 2 jam akan dipasang di lokasi tersebut sebagai pemakluman kepada orang awam.</i></p>	
	6.7	<p>MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 2 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 14 FEBRUARI 2023.</p>	
		<p>Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :</p>	
	6.7.1	<p>Encik Haridass ingin tahu status penyerahan tanah perkuburan Kristian di Sungai Kelambu yang sepatutnya berlaku pada 1 Januari 2023 tetapi sehingga kini masih tiada penyerahan.</p> <p><i>Pengarah JKPM memaklumkan pada masa ini sedang dalam tempoh tanggungan kerosakan sebelum penyerahan dibuat kepada persatuan untuk tindakan selanjutnya.</i></p>	Makluman
	6.7.2	<p>Perkara 5.2</p> <p>Encik Mohd Safiee membangkitkan mengenai video tular berkaitan perarakan menggunakan senjata oleh sebuah parti politik yang telah menimbulkan rasa kurang senang dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, beliau memohon pertimbangan pihak Majlis untuk membatalkan kelulusan permohonan penggunaan Dewan Sri Jugra oleh ketiga-tiga pemohon ini.</p> <p><i>Encik Wong Kim Loon berpendapat walaupun lokasi dewan berubah dari Dewan Seri Jugra ke Dewan Kompleks Sukan MPKL tetapi dikhawatiri akan menimbulkan masalah. Oleh itu, beliau bersetuju supaya kelulusan ini ditarik balik.</i></p>	

		<p>Pengarah JPPH memaklumkan permohonan penggunaan Dewan Seri Jugra ini telah diterima daripada :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Parti Islam Malaysia (PAS) Kawasan Kuala Langat 2. Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Langat 3. Wanita Bahagian Kuala Langat <p>Walau bagaimanapun, permohonan oleh Wanita Bahagian Kuala Langat tidak menggunakan kepala surat UMNO Bahagian Kuala Langat.</p> <p>Y.B. Tuan Haji Hasnul menyatakan UMNO telah menjadi sebahagian daripada Kerajaan Perpaduan. Oleh itu, beliau berpendapat tidak timbul isu sehingga kelulusan permohonan ini perlu dibatalkan oleh pihak Majlis. Namun sekiranya permohonan daripada Wanita Bahagian Kuala Langat ini tidak mematuhi peraturan seperti tidak menggunakan kepala surat UMNO, pihak Majlis boleh meminta untuk pihak terbabit mengemukakan semula permohonan menggunakan kepala surat UMNO.</p> <p>Setelah mempertimbangkan pendapat dan cadangan yang dikemukakan, mesyuarat bersetuju membatalkan kelulusan permohonan daripada Parti Islam Semalaysia (PAS) Kawasan Kuala Langat dan Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Langat, dan meluluskan permohonan daripada Wanita Bahagian Kuala Langat.</p> <p>Ahli mesyuarat meminta supaya kelulusan penggunaan dewan orang ramai milik MPKL oleh parti politik dapat disahkan terlebih dahulu dalam Mesyuarat Majlis Perbandaran Kuala Langat sebelum surat kelulusan dikeluarkan oleh pihak Jabatan.</p>	
7.0		<p>MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:</p>	
	7.1	<p>MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT BILANGAN 1 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 3 JANUARI 2023.</p>	
		<p>Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.</p>	

	7.2	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT BILANGAN 2 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 26 JANUARI 2023.	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	
	7.2.1	<p>Encik Gan Yee Chin membangkitkan mengenai taklimat yang disampaikan oleh Syarikat Jinxing dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat baru-baru ini.</p> <p><i>Ketua Unit Pusat Setempat memaklumkan taklimat tersebut adalah berkaitan permohonan oleh Syarikat Jinxing, Nine Dragon Sdn Bhd. dan beberapa pihak industry yang terlibat berada dalam peringkat permohonan CCC. Namun infrastruktur di tapak yang telah dipersetujui untuk disiapkan oleh pihak Lion Group masih tidak dapat dilaksanakan. Oleh yang demikian, industri yang terlibat merayu kepada pihak Majlis untuk mempertimbangkan permohonan CCC tersebut. Walau bagaimanapun, pihak Majlis telah meminta industri yang terlibat untuk berbincang dengan Lion Group supaya isu berbangkit ini dapat diselesaikan.</i></p> <p><i>Encik Gan Yee Chin menyatakan pihak yang terlibat dalam penyediaan infrastruktur ini adalah Harbour Home iaitu anak syarikat Lion Group. Syarikat ini sering menimbulkan masalah dalam penjualan tapak pembangunan sama ada industri atau perumahan dengan tidak menyediakan infrastruktur yang sepatutnya. Ini telah berlaku di Persiaran Bandar Mahkota melibatkan lot banglo oleh Andalas Development yang mempunyai masalah dengan jalan keluar masuk, IWK dan sebagainya. Sekiranya pihak Majlis memberikan kelonggaran dalam permohonan CCC ini, pihak Lion Group akan mengulangi isu yang sama. Selain itu, beliau berharap pihak Harbour Home diarahkan supaya menggunakan tempat cuci tayar lori dan menyediakan pekerja untuk menyiram lori sebelum keluar ke Persiaran Bandar Mahkota.</i></p>	Makluman

8.0		PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN													
	8.1	<p><u>ADDENDUM NO. 1</u></p> <p>PERMOHONAN MENGADAKAN PESTA RIA (FUN FAIR) "HAPPY EURO FUN PARK" TAHUN 2023.</p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <p><i><u>Butiran permohonan</u></i></p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td>Nama syarikat</td> <td>Amazon Fauna Sdn. Bhd. Encik Lee Kok Onn</td> </tr> <tr> <td>Tempoh dipohon</td> <td>10/2/2023 – 2/4/2023 (52 hari)</td> </tr> <tr> <td>Masa</td> <td>5.00 petang – 11.30 malam</td> </tr> <tr> <td>Lokasi</td> <td>Tapak letak kereta Eco Sanctuary Mall (Milik Eco Sanctuary Sdn. Bhd.)</td> </tr> <tr> <td>Ulasan jabatan teknikal</td> <td> 1. Polis DiRaja Malaysia – Tiada halangan 2. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia – Tiada halangan </td> </tr> <tr> <td>Lain-lain</td> <td>Pemohon telah mendapatkan insuran liability awam MSIG Insurance (Malaysia) Berhad bermula 13 Disember 2022 selama 1 tahun.</td> </tr> </table> <p><i><u>Syor</u></i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Jabatan tiada halangan terhadap permohonan ini. Sekiranya diluluskan, penganjur akan dikenakan syarat-syarat yang ditetapkan. 2. Penganjur perlu mendapatkan perkhidmatan KDEB untuk kutipan sampah serta bertanggungjawab bagi pengurusan sampah dan menjaga kebersihan di lokasi penganjuran. Pihak 	Nama syarikat	Amazon Fauna Sdn. Bhd. Encik Lee Kok Onn	Tempoh dipohon	10/2/2023 – 2/4/2023 (52 hari)	Masa	5.00 petang – 11.30 malam	Lokasi	Tapak letak kereta Eco Sanctuary Mall (Milik Eco Sanctuary Sdn. Bhd.)	Ulasan jabatan teknikal	1. Polis DiRaja Malaysia – Tiada halangan 2. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia – Tiada halangan	Lain-lain	Pemohon telah mendapatkan insuran liability awam MSIG Insurance (Malaysia) Berhad bermula 13 Disember 2022 selama 1 tahun.	JPL
Nama syarikat	Amazon Fauna Sdn. Bhd. Encik Lee Kok Onn														
Tempoh dipohon	10/2/2023 – 2/4/2023 (52 hari)														
Masa	5.00 petang – 11.30 malam														
Lokasi	Tapak letak kereta Eco Sanctuary Mall (Milik Eco Sanctuary Sdn. Bhd.)														
Ulasan jabatan teknikal	1. Polis DiRaja Malaysia – Tiada halangan 2. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia – Tiada halangan														
Lain-lain	Pemohon telah mendapatkan insuran liability awam MSIG Insurance (Malaysia) Berhad bermula 13 Disember 2022 selama 1 tahun.														

		<p>penganjur perlu mengemukakan surat lantikan tersebut dalam tempoh 7 hari sebelum program dijalankan.</p> <ol style="list-style-type: none"> 3. Gerai-gerai permainan yang mengandungi elemen-elemen nasib atau judi atau cabutan loteri tidak dibenarkan dalam penganjuran aktiviti ini. 4. Jabatan mengesyorkan kelulusan ini diberikan bermula 28 Februari 2023 sehingga 2 April 2023. 5. Tertakluk kepada kadar fi dan bayaran seperti berikut : <table border="1"> <thead> <tr> <th>Butiran</th><th>Kadar fi</th><th>Jumlah bayaran</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Lesen Tempat Hiburan</td><td>RM 10.00 sehari x 34 hari</td><td>RM 340.00</td></tr> <tr> <td>Lesen Hiburan – 19 permainan</td><td>RM 5.00 x 19 gerai atau kaunter x 34 hari</td><td>RM 3,323.00</td></tr> <tr> <td>Bayaran Permit khemah – 10 unit</td><td>RM 15.00 x 10 unit x 34 hari Saiz khemah : 20'x20'</td><td>RM 5,100.00</td></tr> <tr> <td>Cagaran pematuhan</td><td>RM 10,000.00</td><td>RM 10,000.00</td></tr> <tr> <td>Jumlah</td><td></td><td>RM 18,670.00</td></tr> </tbody> </table> <ol style="list-style-type: none"> 6. Segala caj adalah mengikut Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan Selangor 1995 dan Peraturan-peraturan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan (Selangor) 1996. 7. Segala fi dan bayaran perlu dijelaskan selewat-lewatnya 7 hari sebelum hari penganjuran. 8. Pihak penganjur perlu mengambil Insuran Liabiliti Awam sepanjang tempoh penganjuran. 9. Pematuhan kepada syarat-syarat semasa daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN). 10. Pihak penganjur perlu menyediakan tandas bergerak dan bekalan air kepada pengunjung. 11. Tiada kediaman pekerja di lokasi penganjuran kecuali bagi tujuan keselamatan. 	Butiran	Kadar fi	Jumlah bayaran	Lesen Tempat Hiburan	RM 10.00 sehari x 34 hari	RM 340.00	Lesen Hiburan – 19 permainan	RM 5.00 x 19 gerai atau kaunter x 34 hari	RM 3,323.00	Bayaran Permit khemah – 10 unit	RM 15.00 x 10 unit x 34 hari Saiz khemah : 20'x20'	RM 5,100.00	Cagaran pematuhan	RM 10,000.00	RM 10,000.00	Jumlah		RM 18,670.00	
Butiran	Kadar fi	Jumlah bayaran																			
Lesen Tempat Hiburan	RM 10.00 sehari x 34 hari	RM 340.00																			
Lesen Hiburan – 19 permainan	RM 5.00 x 19 gerai atau kaunter x 34 hari	RM 3,323.00																			
Bayaran Permit khemah – 10 unit	RM 15.00 x 10 unit x 34 hari Saiz khemah : 20'x20'	RM 5,100.00																			
Cagaran pematuhan	RM 10,000.00	RM 10,000.00																			
Jumlah		RM 18,670.00																			

		<p>12. Pihak pengajur perlu merancang dan memastikan kelancaran kemudahan tempat letak kereta dan lalulintas jalan di sekitar kawasan ini.</p> <p>13. Jika melibatkan penggunaan khemah/kanopi perlu mendapatkan kelulusan/permit daripada Jabatan Pelesenan MPKL.</p> <p>14. Jika terdapat pemasangan iklan, ia tertakluk kepada UUK Iklan (MDKL) 2007. Kelulusan berasingan diperlukan jika terdapat paparan iklan, banner atau gegantung.</p> <p>15. Pengajur juga tertakluk kepada arahan dan perundungan yang dikuatkuasakan oleh MPKL dan agensi Kerajaan lain.</p>											
	8.2	<p><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></p> <p>Mesyuarat bersetuju meluluskan permohonan ini.</p> <p><u>ADDENDUM NO. 2</u></p> <p>PERMOHONAN MENGADAKAN BAZAR RAMADAN TAHUN 2023 DAERAH KUALA LANGAT.</p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <p><u>Syor</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pihak Jabatan tiada halangan terhadap permohonan ini dan sekiranya diluluskan, pengajur dikenakan syarat-syarat dan bayaran yang telah ditetapkan. 2. Kadar fi dan bayaran yang akan dikenakan adalah seperti berikut : <table border="1"> <thead> <tr> <th>Butiran</th> <th>Kadar fi</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Permit Penjaja Bazar</td> <td>RM 60.00/petak</td> </tr> <tr> <td>Pas Pembantu (1-3 orang)</td> <td>RM 50.00</td> </tr> <tr> <td>Tambahan bagi air kelapa/tebu</td> <td>RM 50.00</td> </tr> <tr> <td>Patil</td> <td>RM 10.00/unit</td> </tr> </tbody> </table> <ol style="list-style-type: none"> 3. Segala fi dan bayaran perlu dijelaskan selewat-lewatnya 7 hari sebelum hari pengajuran. 	Butiran	Kadar fi	Permit Penjaja Bazar	RM 60.00/petak	Pas Pembantu (1-3 orang)	RM 50.00	Tambahan bagi air kelapa/tebu	RM 50.00	Patil	RM 10.00/unit	JPL
Butiran	Kadar fi												
Permit Penjaja Bazar	RM 60.00/petak												
Pas Pembantu (1-3 orang)	RM 50.00												
Tambahan bagi air kelapa/tebu	RM 50.00												
Patil	RM 10.00/unit												

		<p>4. Pihak pengangur perlu mengemukakan dokumen berikut dalam tempoh 7 hari sebelum program dijalankan :</p> <p>4.1 Mengemukakan surat lantikan KDEB bagi kutipan sampah serta bertanggungjawab bagi pengurusan sampah dan menjaga kebersihan di tapak penjaja.</p> <p>4.2 Peniaga makanan dan minuman perlu mengemukakan salinan sijil kursus pengendalian makanan dan salinan surat suntikan TY2 dari mana-mana klinik kerajaan @ swasta.</p> <p>4.3 Resit fi dan bayaran.</p> <p>5. Jenis perniagaan yang dibenarkan bagi permit Bazar Ramadan adalah makanan dan minuman sahaja.</p> <p>6. Masa operasi yang dibenarkan bagi pengoperasian Bazar Ramadan adalah bermula dari jam 3.00 petang sehingga 8.00 malam.</p> <p>7. Memastikan aspek keselamatan dan kawalan lalulintas diutamakan di lokasi serta mendapat bantuan keselamatan daripada pihak RELA.</p> <p>8. Setiap peniaga dan pembantu diwajibkan memakai apron dan penutup kepala.</p> <p>9. Hanya khemah bersaiz 8'x8' yang dibenarkan.</p> <p>10. Konsep jualan dibenarkan adalah secara bungkus (<i>take away</i>) sahaja.</p> <p>11. Pematuhan kepada arahan semasa daripada MKN.</p> <p>12. Peniaga perlu menyediakan plastik sampah dan diwajibkan membersihkan tapak niaga sebelum keluar dari tapak bazar.</p> <p>13. Peniaga dilarang menggunakan khidmat warganegara asing dalam aktiviti perniagaan.</p> <p>14. Tidak dibenarkan menimbulkan apa-apa bentuk kacauganggu sebelum, semasa atau selepas karnival dijalankan.</p> <p>15. Pihak pengangur hendaklah memastikan kawasan tapak perniagaan sentiasa bersih iaitu semasa dan selepas urusniaga. Sebarang pembakaran terbuka adalah dilarang.</p> <p>16. Memastikan barang yang dijual mematuhi syarat daripada KPDNHEP.</p>	
--	--	---	--

17. Penganjur tertakluk kepada arahan dan perundangan yang dikuatkuasakan oleh MPKL dan agensi Kerajaan lain.

Butiran permohonan

<u>PERMOHONAN 1</u>	
BAZAR RAMADAN BANDAR SUNGAI EMAS	
Nama pemohon	Encik Khairul Nizam bin Jumi Pengerusi MPKK Kg. Sungai Manggis
Lokasi	Jalan Emas 1, Bandar Sungai Emas
Jumlah petak	40 unit
Tarikh	23/3/2023 – 21/4/2023 (30 hari)
Syor	Pihak Jabatan tiada halangan terhadap permohonan ini. Sekiranya diluluskan, fi yang akan dikenakan adalah sebanyak RM 4,800.00

<u>PERMOHONAN 2</u>	
BAZAR RAMADAN BANDAR SERI EHSAN	
Nama pemohon	Encik Ahmad Kamal bin Miswan Pengerusi Penduduk Bandar Seri Ehsan
Lokasi	Jalan BSE 4/44, Bandar Seri Ehsan
Jumlah petak	30 unit
Tarikh	23/3/2023 – 21/4/2023 (30 hari)
Syor	Pihak Jabatan tiada halangan terhadap permohonan ini. Sekiranya diluluskan, fi yang akan dikenakan adalah sebanyak RM 3,600.00

<u>PERMOHONAN 3</u> BAZAR RAMADAN TAMAN SERI JAROMAS	
Nama pemohon	Puan P.Umananthini a/p Gnanapragasam MPP Zon 6
Lokasi	Jalan 3/2, Taman Seri Jaromas
Jumlah petak	80 unit
Tarikh	23/3/2023 – 21/4/2023 (30 hari)
Syor	Pihak Jabatan tiada halangan terhadap permohonan ini. Sekiranya diluluskan, fi yang akan dikenakan adalah sebanyak RM 9,600.00
<u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u>	
<u>Permohonan 1</u> Bazar Ramadan Bandar Sungai Emas	Lulus
<u>Permohonan 2</u> Bazar Ramadan Bandar Seri Ehsan	Lulus
<u>Permohonan 3</u> Bazar Ramadan Taman Seri Jaromas, Jenjarom	Lulus

9.0	UCAPAN PENANGGUHAN	
		Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Cik Ang Lee Yong.
	9.1	Beliau mengucapkan selamat pagi kepada Y.B. Tuan Haji Hasnul bin Baharuddin, Ahli Dewan Negeri Selangor Kawasan Morib, YBhg. Dato' Pengurus, Y.D.M. Tengku Dato' Mohamed AlHaj, Ahli Majlis dan ketua-ketua jabatan.
	9.2	Beliau memaklumkan beberapa tahun yang lalu pernah menyebut tentang ‘membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul’. Kini beliau melihat MPKL sebagai sebuah Majlis Perbandaran yang berada di landasan yang betul.
	9.3	<p>Beliau mengucapkan tahniah kepada MPKL kerana sudi menerima cadangan untuk memberikan tong sampah MGB 120 liter secara percuma kepada semua pembayar cukai. Perkara ini mendapat sambutan yang baik daripada penduduk dan ini menjadikan mereka sudi membayar cukai taksiran, caj parkir dan tunggakan kepada MPKL.</p> <p>Namun beliau mengingatkan kepada semua pegawai supaya memastikan rekod pembayaran sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa kerana beliau masih menerima aduan daripada penduduk yang tiada tunggakan tetapi tidak menerima tong sampah percuma ini.</p>
	9.4	<p>Seperti peribahasa yang berbunyi, Yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan.</p> <p>MPKL merupakan sebuah Majlis Perbandaran yang masih baru dan daerah Kuala Langat sedang pesat membangun. Oleh itu, tiada salahnya jika MPKL belajar daripada pengalaman PBT yang lain khususnya PBT yang telah lama mencapai taraf Majlis Perbandaran dan Majlis Bandaraya supaya pengalaman mereka dapat</p>

		<p>dijadikan panduan kepada MPKL daripada mengulangi kesilapan yang sama.</p> <p>Kebelakangan ini beliau mendapati MPKL banyak membuat lawatan ke tempat lain dan berharap banyak menimba ilmu daripada program seumpama ini.</p>	
	9.5	<p>Perancangan perbandaran merupakan aspek paling penting dalam hal ehwal pentadbiran MPKL. Zon 15 (Banting) amat memerlukan sebuah dewan orang ramai atau balai raya untuk memudahkan program masyarakat. MPP Zon 15 tidak perlu membelanjakan peruntukan bayaran sewa yang tinggi. MPKL pernah mempunyai banyak tanah yang strategik di Zon 15 untuk dibangunkan sebagai dewan orang ramai atau balai raya.</p> <p>Contohnya tanah di sebelah Wisma MDKL yang sekarang bukan lagi kepunyaan MPKL. Oleh itu, beliau menggesa MPKL untuk membuat perancangan pembinaan sebuah dewan orang ramai atau balai raya yang baru di Zon 15 sama ada dibina di tempat baru melalui perbincangan dengan pemaju atau dibina di lokasi Wisma MDKL yang sedia ada atau seperti cadangan YBhg. Dato' Pengurus iaitu di tapak panggung wayang lama di Taman Delima.</p>	
	9.6	<p>Beliau mencadangkan agar MPKL mempertingkatkan ketelusan ini dengan memberi notis pemberitahuan secara konstruktif iaitu memasang papan tanda untuk mana-mana cadangan permohonan kebenaran merancang projek pembangunan. Walaupun ia tidak disyaratkan oleh undang-undang tetapi ia telah dilakukan oleh PBT lain. Sebagai sebuah kerajaan yang menjunjung tatakelola baik (<i>good governance</i>), pasti ini sesuatu yang akan dapat mengangkat martabat MPKL dalam kalangan pembayar cukai.</p>	
	9.7	<p>MPKL harus membelanjakan peruntukan untuk membaik pulih atau menaiktaraf stor dan bengkel kerja MPKL serta tempat penyimpanan binatang liar di Telok Datok. Sudah tiba masa untuk MPKL menyediakan bengkel yang dilengkapi dengan garaj, <i>fabrication yard</i>,</p>	

		<p>gudang simpanan, bengkel kereta dan motosikal. Ini sesuai dengan taraf MPKL sebagai sebuah Majlis Perbandaran.</p> <p>Ini kerana aduan kecil seperti mengganti penutup longkang yang rosak, mengganti papan tanda yang rosak dan sebagainya dapat dilakukan dengan cepat sekiranya MPKL mempunyai bengkel sendiri tanpa menunggu masa yang lama untuk melantik kontraktor untuk kerja-kerja inden.</p>	
	9.8	MPKL perlu membuat perancangan dalam tempoh lima (5) tahun supaya setiap lapisan pegawai di MPKL memahami hala tuju masing-masing dalam tempoh tersebut.	
	9.9	Beliau mencadangkan pihak Majlis untuk menuju ke arah bandar berkarbon rendah. Ini boleh dimulakan dengan inisiatif ringkas seperti menggunakan lebih banyak kenderaan elektrik, pelaksanaan hari tanpa kenderaan, pemasangan lampu-lampu solar atau LED dan insentif kepada pembayar cukai yang bertukar kepada gaya kehidupan lestari alam sekitar.	
	9.10	<p>Beliau berterima kasih kepada semua pegawai dan ketua jabatan MPKL yang banyak membantu dalam menjalankan tugas beliau sebagai Ahli Majlis yang efektif.</p> <p>Akhir kata, beliau juga mengucapkan penghargaan kepada Encik Mohd Khairul (Jabatan Kejuruteraan), Puan Fauziahtun (Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta), Encik Abdul Mutalib (Jabatan Khidmat Pengurusan) dan Encik Wan Putra Noor Shahan (Jabatan Penguatkuasaan) yang sentiasa bekerjasama dan memberikan bantuan.</p>	

10.0	UCAPAN PENUTUP OLEH PENGERUSI	
	<p>YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan pihak Majlis akan memberikan tumpuan untuk meningkatkan kutipan hasil pada tahun 2023 ini. Oleh itu, beliau berharap permohonan MPKL untuk menaiktaraf perjawatan dapat dipertimbangkan oleh pihak JPA susulan perbincangan yang dilakukan dengan pihak SUK dan JPA pada Jumaat lalu.</p> <p>Seterusnya, beliau menangguhkan mesyuarat pada hari ini.</p>	Makluman

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

Disediakan oleh :

Urus Setia Mesyuarat,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Tarikh siap : 3/3/2023

Disemak oleh :

(MOHAMMAD KAMAL BIN MOHD RAMLAN, P.P.T.)

Setiausaha Mesyuarat,
Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan,
Majlis Perbandaran Kuala Langat.

Disahkan oleh :

(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM, D.I.M.P.)

Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Tan Wee King
dan disokong oleh Encik Wong Kim Loon tanpa pindaan.

PETUNJUK :

1. JKP	-	JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
2. JP	-	JABATAN PERBENDAHARAAN
3. JPPH	-	JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
4. JPL	-	JABATAN PELESENAN
5. JPP	-	JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
6. JK	-	JABATAN KEJURUTERAAN
7. JKB	-	JABATAN KAWALAN BANGUNAN
8. JL	-	JABATAN LANDSKAP
9. JKPM	-	JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
10. JPK	-	JABATAN PENGUATKUASAAN
11. JPSPKP	-	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN PERSEKITARAN
12. BTM	-	BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
13. UU	-	UNIT PERUNDANGAN
14. UAD	-	UNIT AUDIT DALAM
15. OSC	-	UNIT PUSAT SETEMPAT
16. COB	-	UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN
17. UPUB	-	UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN
18. BSP	-	PEJABAT CAWANGAN BANDAR SAUJANA PUTRA

rosmawati/mesyuarat mpkl 2/2023



CADANGAN PENINGKATAN KUTIPAN HASIL UNTUK MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

BIZSURIA

HUBUNGI KAMI:

E-G-3 to E-2-3,
WismaBizsuria,
Connaught Avenue, Jalan 9,
56000 Kuala Lumpur.

T : 603-91089888
F : 603-27268879

 <https://www.facebook.com/www.bizsuria.com.my/>
 <https://www.bizsuria.com.my/>

SULIT-HANYA UNTUK TUJUAN PERBENTANGAN DI MP KUALA LANGAT

BIZSURIA

PENGENALAN

- Biz-Suria menawarkan perkhidmatan Business Process Solution Services (BPS) sejak tahun 1995.
- BPS merangkumi perkhidmatan pemulihan hutang
 - Account Receivables Management,
 - Debt Mediation and Collections,
 - Debt Repayment Plan dan
 - Debt Automation System.
- Biz-Suria membantu pelbagai syarikat telekomunikasi, institusi perbankan dan syarikat swasta dalam menguruskan tunggakan bayaran dan hutang-hutang lapuk (Managing Client Receivables Efficiently).
- Biz-Suria juga menggunakan sistem berkomputer dalam pengurusan akaun-akaun pelanggan dan pemantauan prestasi pekerja kami
- Perkhidmatan yang diberikan selari dengan kadar fi (bayaran) yang dikenakan.
- [Video Korporat Biz-Suria](#)

SULIT-HANYA UNTUK TUJUAN PERBENTANGAN DI MP KUALA LANGAT

PERLAKSANAAN KONSEP KHIDMAT LUAR



Biz-Suria ingin menawarkan khidmat nasihat serta ingin membantu MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT (MPKL) mengutip tunggakan cukai taksiran dan sewaan

50%

Dengan pengalaman selama lebih **25 tahun** dalam bidang *Debt Collection*, Biz-Suria yakin dapat mengutip sehingga **10 ke 50%** tunggakan hasil tersebut (*Tertakluk kepada jenis akaun*)

- Namun begitu pihak MPKL harus memberikan kebenaran kepada pihak Biz-Suria untuk adakan rundingan dengan penghutang

25%


Berdasarkan kepada jumlah tunggakan yang berjaya dikutip, kami mengenakan **fi (bayaran)** sejumlah **25% (maksimum)**.

Usaha untuk mengutip tunggakan akan lebih mudah dengan bantuan sistem serta Pengkalan data yang sedia ada.

- Ini dapat membantu meringankan beban MPKL untuk mengutip tunggakan tersebut tanpa sebarang kos tambahan kepada MPKL



Biz-Suria mempunyai **Standard Operating Procedure (SOP)** yang tinggi dalam melaksanakan khidmat nasihat dan juga kutipan tunggakan ini



SULIT- HANYA UNTUK TUJUAN PERBENTANGAN DI MP KUALA LANGAT

SENARAI PEJABAT DAN CAWANGAN BIZSURIA

IBU-PEJABAT / PEJABAT OPERASI:

E-G-3 TO E-2-3, WISMA BIZSURIA,
JALAN 9, CONNAUGHT AVENUE
56000 CHERAS KUALA LUMPUR

PEJABAT KORPORAT:

UNIT 17-01, Q SENTRAL,
2A, JALAN STesen SENTRAL 2,
KL SENTRAL,
50470 KUALA LUMPUR

PEJABAT CAWANGAN – TELUK INTAN, PERAK:

NO. 39, TINGKAT ATAS,
JALAN PASAR MEDAN MAHKOTA,
36000 TELUK INTAN,
PERAK DARUL RIDZUAN.

PEJABAT CAWANGAN- KOTA BHARU, KELANTAN DARUL NAIM:

PT 1070 ARAS 1, BLOK B,
PASAR AWAM BERSEPADU,
15100 KOTA BHARU,
KELANTAN DARUL NAIM

PEJABAT BCP (BACK-UP CONTINUITY PLAN):

Unit 17-01, Q.SENTRAL,
2A, JALAN STesen SETRAL 2,
KL SENTRAL,
50470 KUALA LUMPUR



SULIT- HANYA UNTUK TUJUAN PERBENTANGAN DI MP KUALA LANGAT

BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

 <p>KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT</p> <p>NO. SIRI : K62969831062461310 NO. Rujukan Pendaftaran : 357-02100236 Tempoh Sah Laku : 25/02/2020 - 03/04/2023</p> <p>Bawah dengan ini diperakui syarat: BIZ-SURIA MANAGEMENT (M) SDN. BHD. (362163-D) T-03, F-23, WISMA BIZSURIA JALAN 9 COMMERCIAL AVENUE TAMAN SEPATU CHINA W.P. KUALA LUMPUR 56000 KUALA LUMPUR WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, MALAYSIA</p> <p>Telah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam listang bekalan/pelaburan di bawah sektor, Industri dan sub-sektor seperti di Lampiran A. Keluasan ini adalah terikuk kepada syarat-syarat seperti yang ditetapkan di Lampiran B. Individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan perolehan Kerajaan adalah seperti berikut:</p> <p>CIK. KHONG MEE YONG 731205145252 HEAD OF DEPARTMENT</p> <p>DATO' ZAMZURI BIN ABDUL AZIZ Perbadanan Malaysia Semenanjung p.p. Ketua Setiausaha Perbadanan Kementerian Kewangan Malaysia</p> <p>Tarikh Berdaftar Dengan Kementerian Kewangan Malaysia : 25/02/2020</p> <p>(Sijil ini adalah cetakan komputer dan tidak memerlukan tandatangan)</p>		LAMPIRAN A																				
